



## Majlis Ugama Islam Singapura

### Khutbah Jumaat

3 Disember 2021 / 28 Rabiulakhir 1443H

#### Mengingati Ar-Raqib

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلِهٖ وَصَاحِبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Marilah sama-sama kita terus mempertingkatkan ketakwaan dan keimanan kita kepada Allah (s.w.t.). Laksanakan segala suruhan-Nya, dan jauhi segala tegahan-Nya. Semoga Allah (s.w.t.) mengurniakan kepada kita hidayah dan cinta-Nya.

#### **Saudara dan saudari,**

Sebagai orang beriman, kita percaya bahawa Allah (s.w.t.) adalah Tuhan semesta alam. Setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan kita, tidak kira yang baik maupun buruk, berada di atas ketentuan serta kuasa-Nya.

Dialah Tuhan yang mencipta dan menyempurnakan segala makhluk di muka bumi ini. Dialah yang Maha Mengetahui dan Maha Melihat. Dialah Tuhan yang mempunyai nama-nama yang mulia dan baik.

Firman Allah (s.w.t.) di dalam surah al-Hasyr ayat 24:

هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ  
الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Yang bermaksud: “Dialah Allah yang Menciptakan, yang Mengadakan, yang Membentuk Rupa, yang mempunyai al-Asma’ al-Husna. Bertasbih kepadanya apa yang di langit dan bumi. Dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

Nabi Muhammad (s.a.w.) juga bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah memiliki sembilan puluh sembilan nama, seratus kurang satu, siapa yang menjaganya maka dia akan masuk syurga.” (Hadis riwayat Imam al-Bukhari).

Oleh itu, khutbah sepanjang bulan ini akan berusaha untuk mengupas beberapa contoh daripada al-Asma’ al-Husna sebagai panduan buat kita semua. Dengan harapan kita dikurniakan rahmat-Nya di dunia ini, dan akhirat kelak.

Sebagai permulaan, marilah sama-sama kita memerhatikan antara nama Tuhan yang mulia. Iaitu ar-Raqib, yang Maha Mengamati segala perkara. Allah (s.w.t.) berfirman di dalam surah al-Maidah ayat 117:

مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَا أَمْرَتِنِي بِهِ أَنْ أَعْبُدُو أَنَّ اللَّهَ رَبِّيْ وَرَبَّكُمْ وَكُنْتُ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا مَا دُمْتُ فِيهِمْ  
فَلَمَّا تَوَفَّيْتِنِي كُنْتَ أَنْتَ أُرْقِيْبَ عَلَيْهِمْ وَأَنْتَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

١١٧

Yang bermaksud: “Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa yang Engkau perintahkan kepadaku iaitu: ‘Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu’ dan aku menjadi pengawas terhadap mereka (dengan membenarkan yang benar dan menyalahkan yang salah) selama aku berada dalam kalangan mereka; kemudian apabila Engkau mematikanku, Engkau sendiri yang mengawasi keadaan mereka. Dan Engkaulah yang menjadi saksi atas tiap-tiap sesuatu.”

**Saudara dan saudari,**

Ternyata melalui penghayatan nama ar-Raqib terdapat dua kesan yang bakal timbul. Yang pertama, ia memberi semangat dan kekuatan bagi setiap individu Mukmin untuk tidak mudah berputus asa ketika berhadapan dengan cabaran hidup. Kerana dirinya sentiasa berada di bawah pengawasan Allah (s.w.t.). Segala yang berlaku berada di bawah pemantauan Tuhan, yang pastinya terdapat hikmah yang tidak dijangka.

Adapun yang kedua, sifat Allah ar-Raqib, seharusnya menimbulkan dalam diri rasa takwa terhadap Allah (s.w.t.). Manakan tidak, sedangkan 24 jam dalam sehari kita sentiasa berada di bawah pengawasan-Nya.

Akan tetapi, hakikatnya adalah kadangkala kita lupa dan alpa bahawa Tuhan sentiasa memerhati. Dari itu, sebahagian insan bertindak dan bertutur, seolah-olah dia terlupa bahawa Yang Maha Esa itu sentiasa memerhatikan segalanya. Tiada tempat di dunia ini di mana kita mampu menyembunyikan diri ataupun menyembunyikan perbuatan kita daripada-Nya.

Maka dengan itu saudara, di sini letaknya kepentingan bagi setiap individu Mukmin untuk menghadirkan sikap *Muraqabatullah*. Iaitu menyedari bahawa setiap perbuatan manusia, baik yang dilakukan secara sembunyi mahupun terang-terangan, ia tidak luput dari pengawasan-Nya.

Izinkan saya untuk kongsikan dua cara yang mudah untuk meningkatkan tahap penghayatan akan sifat-sifat Allah.

**Yang pertama: Memperbanyak amalan zikir kepada Tuhan.**

Zikir kepada Tuhan membawa pelbagai faedah. Ia bukan hanya membantu kita dalam mengingati Tuhan pada setiap masa dan keadaan, bahkan ia juga membawa ketenangan dalam kehidupan kita. Di samping itu seseorang yang sentiasa berzikir kepada Tuhan dengan penuh penghayatan, ia akan melahirkan ketakwaan di dalam diri.

**Yang kedua: Berkawan bersama teman yang soleh yang sentiasa mengajak kita untuk dekat dengan Tuhan.**

Seorang teman memainkan peranan yang sangat penting. Ini kerana keperibadian seseorang itu berkait rapat dengan teman yang dia sering bergaul. Jika teman itu merupakan seorang yang baik serta sentiasa mengingatkan kita kepada Tuhan, maka kita juga akan terpengaruh dengan sikap yang baik ini.

Ingatlah pesanan Nabi Muhammad (s.a.w.) yang bermaksud: *“Seorang individu itu bergantung/dipengaruhi dengan agama teman pergaulannya, maka hendaklah salah seorang melihat siapa yang menjadi teman pergaulannya.”* (Hadis riwayat Imam Abu Dawud).

Teman yang baik agamanya berpandukan kepada kebaikan yang benar. Yang berpandukan tuntutan agama yang diperintahkan Allah dan Rasul-Nya. Bukan sekadar baik zahirnya tetapi tersasar kefahaman agamanya.

Semoga Allah (s.w.t.) mengurniakan kepada kita hati yang sentiasa mengingati Allah serta meletakkan kita dalam syurga-Nya. Amin. Ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَ لَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الغَفُورُ الرَّحِيمُ

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى  
فِيمَا أَمْرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُوْا وَسَلَمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْنَظَفِيِّ، فَقَدْ أَمْرَنَا اللَّهُ  
بِذِلِّكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ  
عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلَمُوا  
تَسْلِيْمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ أَبِي بَكْرٍ  
وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ، وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ  
وَالْتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا  
أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَارَبَّ الْعَالَمِينَ. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.